

**LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
BAHAGIAN PERANCANGAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
IBU PEJABAT MADA, AMPANG JAJAR 05990 ALOR STAR KEDAH**

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA


1. Sebutharga ini dibuka kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 210100 (Peralatan dan Kelengkapan Komputer). Semua tawaran hendaklah sampai kepada Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Ampang Jajar, 05990, Alor Setar, Kedah Darul Aman pada atau sebelum 6hb Ogos 2013 jam 12.00 tengah hari.

Untuk:-

Sebutharga No: MADA/BPTM/CTM/2013-3
Tajuk Sebutharga: **Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji, Mentauliah Dan Menyenggara Perkakasan Komputer Secara Sewaan Selama 3 Tahun Bagi Ibu Pejabat, Pejabat Wilayah dan 27 Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)**
Status Sebutharga: Bumiputra Sahaja
Harga Dokumen: RM10.00(Ringgit Malaysia: Sepuluh Sahaja)

2. Semua butir Sebut Harga boleh didapati di Bahagian Perancangan Dan Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat MADA, Ampang Jajar, 05990 Alor Setar, Kedah Darul Aman.
3. Sebut Harga mestilah dikemukakan dalam Borang Sebut Harga yang boleh didapati di Bahagian Perancangan Dan Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat MADA, Ampang Jajar, 05990 Alor Setar, Kedah Darul Aman. Sebut Harga mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat bermetri dan menulis nombor Sebut Harga tersebut, kemudian dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang disediakan di Bahagian Perancangan Dan Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat MADA, Ampang Jajar, 05990 Alor Setar, Kedah Darul Aman pada atau sebelum masa dan tarikh yang ditetapkan
4. Mana-mana tawaran sebut harga yang diterima selepas masa dan tarikh tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
5. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana tawaran.
6. Sila kemukakan bersama Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputra dan Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor yang asal dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysian semasa membeli borang sebutharga tersebut di atas

Tarikh: 28 Julai 2013


.....
(Pn. Roblah bt. Lazim)
Pengarah,
Bahagian Perancangan Dan Teknologi Maklumat
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)